

17 JUL 2002

P/raja-Tawan (Analisis Berita)/I

BN BERPELUANG TAWAN SEMULA PENDANG DAN ANAK BUKIT

Oleh: Jamaluddin Muhammad

ALOR SETAR, 17 Julai (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) yang berkempen di kubu-kubu kuat PAS sejak lapan hari lepas dijangka membuat kejutan pada pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit esok.

PAS mempertahankan kedua-dua kerusi itu manakala BN berusaha menawan semula kerusi yang pernah menjadi milik mereka sebelum pilihan raya umum 1999.

PAS pasti mempertahankan kerusi itu, yang disandang oleh Allahyarham Datuk Fadzil Noor, Presiden PAS dan Ketua Pembangkang di Parlimen dan DUN Kedah, sebelum meninggal dunia pada 23 Jun lepas.

"BN mempunyai sebab untuk memenangi kerusi Anak Bukit pada pilihan raya kecil ini," kata anggota Umno yang berkempen untuk BN Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin dari Kuala Kedah.

Menurutnya BN mempunyai 8,000 anggota di Anak Bukit merangkumi 6,500 anggota Umno, 2,300 anggota MCA dan 200 anggota MIC serta kira-kira 5,000 pengundi atas pagar yang dapat memberi laluan mudah bagi kemenangan BN di kawasan itu.

PAS sebaliknya hanya mempunyai 3,000 anggota selepas memindahkan kira-kira 2,000 anggota kuas mereka ke Kubang Rotan bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang sebagai strategi untuk menewaskan Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Kubang Rotan Datuk Seri Syed Razak Syed Zain yang juga Menteri Besar Kedah, katanya.

PAS tidak mengesahkan atau menafikan kenyataan berhubung pemindahan para penyokong itu.

Calon PAS bagi Anak Bukit Haji Amiruddin Hamzah berkata: "Saya tak tahu. Jika benar, ia elok untuk (calon BN) Datuk Zakaria (Said) dan tak elok untuk Menteri Besar."

Abdullah Hasnan berkata jika 80 peratus atau kira-kira 15,000 orang mengundi esok, BN pasti memenangi kerusi itu.

"Parti manapun yang dapat lebih 7,700 undi esok, akan memenangi kerusi itu," katanya.

Terdapat 19,399 undi dalam kawasan itu merangkumi 16,889 pengundi Melayu (87.06 peratus), 2,151 pengundi Cina (11.09 peratus), 290 pengundi India (1.49 peratus) dan 69 pengundi lain bangsa (0.36 peratus).

Allahyarham Fadzil memenangi kerusi itu dengan majoriti 1,840 undi.

Ahli sains politik tempatan Prof Madya Dr Mohamed Mustafa Ishak meramalkan bahawa undi bukan Melayu tidak mungkin diperolehi PAS berikutan imej ekstremisme PAS.

Beliau berkata secara keseluruhannya, BN mempunyai banyak kelebihan berbanding PAS untuk memenangi kedua-dua kerusi itu kerana ia menurunkan calon-calon yang berpengalaman.

"Secara teorinya, apabila ekonomi negara baik dan mencapai kestabilan politik, faktor rasa ceria di kalangan pengundi akan menyebabkan undi memihak kepada kerajaan," katanya.

PAS, katanya juga tidak mempunyai isu-isu kukuh untuk dibangkitkan dalam kempen-kempen mereka.

Dr Mohamed Mustafa, yang juga pensyarah di universiti tempatan, berkata kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi boleh membawa kemenangan bagi kedua-dua kerusi itu.

"Kewibawaan dan karisman Abdullah telah membantu BN menembusi

pondok-pondok kubu kuat PAS di Pendang berikutan hubungan kekeluarganya dengan tok-tok guru di situ," katanya.

Ini pasti akan memberi sedikit undi kepada BN kerana tok-tok guru itu mempunyai ramai pengikut.

Dr Mohamed Mustafa berkata kira-kira 5,000 pengundi atas pagar merangkumi pengundi kali pertama akan memainkan peranan penting dalam menentukan keputusan pilihan raya kecil Pendang.

Pendang mempunyai 53,128 pengundi merangkumi 46,630 pengundi Melayu (87.77 peratus), 3,403 pengundi Cina (6.40 peratus), 487 pengundi India (0.92 peratus) dan 2,608 pengundi bangsa lain (4.91 peratus).

Beliau berkata beberapa jam terakhir berikutnya juga memainkan peranan penting bagi BN dan PAS dalam memikat pengundi untuk menentukan keputusan pilihan raya kecil esok.

-- BERNAMA

JM KHY NAK